



SIARAN AKHBAR

INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI BULAN NOVEMBER 2022

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) pada hari ini telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) bagi Negara Brunei Darussalam bagi bulan November 2022. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas lebih 600 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana dan besar daripada sebelas sektor ekonomi, dari semua daerah di Negara Brunei Darussalam.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan; pelaburan; pengambilan pekerja; dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, ia boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi di dalam negara.
3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

| Nilai BSI | Ulasan |
|-----------|--|
| Atas 50 | Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya |
| 50 | Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya |
| Bawah 50 | Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya |

4. Terdapat sembilan sub-indeks di dalam BSI di mana Sub-indeks Keadaan Perniagaan, sebagai indeks utama BSI, adalah 50.3 bagi bulan November 2022 berbanding 49.9 bagi bulan Oktober 2022. Secara amnya, perniagaan sektor swasta berpandangan optimistik terhadap keadaan perniagaan pada bulan November 2022 di atas jangkaan peningkatan aktiviti, tahap jualan dan jumlah projek. Walau bagaimanapun, beberapa sektor menganggarkan penurunan terhadap prestasi perniagaan disebabkan oleh jangkaan tahap pengeluaran yang lebih rendah, kelembapan aktiviti dan tahap pendapatan yang berkurangan disebabkan oleh musim hujan dan pembukaan sempadan. Memandang ke hadapan, perniagaan secara amnya berpandangan optimistik terhadap prestasi pada bulan Disember 2022 dengan indeks bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan di tahap 50.5. Ini didorong oleh jangkaan lebih banyak projek dan acara-acara menjelang akhir tahun. Bulan Disember juga biasanya bulan penerimaan gaji bonus bagi pekerja-pekerja, serta musim cuti sekolah dan musim perayaan. Walau bagaimanapun, beberapa perniagaan telah mengongsikan kebimbangan terhadap keadaan perniagaan pada bulan Disember berikutan percutian keluar negeri bagi kebanyakan warga dan penduduk tempatan.

| BSI November 2022 | |
|---|-------------|
| Keadaan Perniagaan | 50.3 |
| Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan | 50.5 |
| Pelaburan | 50.1 |
| Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan | 50.0 |
| Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan | 50.1 |
| Pengambilan Pekerja | 50.3 |
| Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan | 50.0 |
| Kos Perniagaan Bulan Ini | 50.3 |
| Kos Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan | 50.1 |

5. Sub-indeks Pelaburan adalah 50.1 bagi bulan November 2022, 50.0 untuk satu bulan ke hadapan, dan 50.1 bagi tiga bulan ke hadapan. Ini menunjukkan bahawa, secara amnya, para peniaga menjangka akan meningkatkan sedikit atau mengekalkan tahap perbelanjaan pelaburan di beberapa bulan yang akan datang. Pelaburan tersebut merangkumi pelbagai jenis termasuk pembinaan infrastruktur ladang, pembelian bahan-bahan untuk pelaksanaan projek, peralatan dan mesin baru, kenderaan syarikat, pengubahsuaian dan pengembangan premis perniagaan, pembukaan cawangan baharu dan penambahan stok inventori.
6. Sub-indeks Pengambilan Pekerja adalah 50.3 bagi bulan November 2022, dan 50.0 bagi satu bulan ke hadapan. Ini menunjukkan bahawa pada bulan November 2022 perniagaan secara amnya menjangka akan mengambil lebih ramai pekerja disebabkan kekurangan tenaga kerja dan menggantikan pekerja yang telah berhenti, serta mengembangkan tenaga kerja mereka, sejajar dengan rancangan-rancangan perkembangan dan kenaikan bilangan projek. Memandang ke hadapan, jumlah pekerja dijangka tidak akan berubah pada bulan Disember 2022.
7. Sub-indeks Kos Perniagaan adalah 50.3 bagi bulan November 2022, dan 50.1 bagi satu bulan ke hadapan. Para peniaga secara amnya menjangka kos menjalankan perniagaan akan meningkat pada bulan November dan Disember 2022. Ini disebabkan oleh faktor-faktor termasuk kenaikan harga makanan dan bahan-bahan mentah; peningkatan kos pengangkutan; perbelanjaan penyelenggaraan; kenaikan perbelanjaan projek dan gaji; peningkatan aktiviti pemasaran; dan pembelian tiket penerbangan untuk pekerja asing kembali ke negara asal.
8. Dari segi sektor ekonomi, tiga daripada sebelas sektor mencatatkan sentimen optimistik pada bulan November 2022. Sektor Kewangan dan Insurans menunjukkan kenaikan indeks yang tertinggi, dengan jangkaan peningkatan prestasi menjelang hujung tahun dengan persekitaran kenaikan kadar faedah dan juga permintaan terhadap produk dan perkhidmatan. Sektor Minyak dan Gas dan yang Berkaitan juga menjangkakan prestasi yang akan bertambah baik dengan peningkatan tahap pengeluaran dan penyelesaian projek. Sebaliknya, sektor Pembinaan menunjukkan sentimen yang pesimistik bagi bulan November 2022 di atas jangkaan penurunan jumlah projek disebabkan oleh musim hujan. Sektor Perdagangan Borong dan Runcit juga melaporkan kemerosotan disebabkan oleh kelembapan dalam tahap permintaan dengan peningkatan aktiviti rentas sempadan. Sementara itu, sektor-sektor yang lain melaporkan sentimen terhadap keadaan perniagaan yang hampir sama pada bulan November 2022 berbanding dengan bulan Oktober 2022.

| Keadaan Perniagaan November 2022 Mengikut Sektor | |
|--|------|
| Kewangan & Insurans | 50.8 |
| Minyak & Gas dan yang Berkaitan | 50.4 |
| Hotel & Restoran | 50.1 |
| Pembuatan | 50.0 |
| Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan | 50.0 |
| Harta Tanah & Pemilikan Kediaman | 50.0 |
| Pengangkutan & Komunikasi | 50.0 |
| Kesihatan & Pendidikan | 50.0 |
| Perkhidmatan Lain | 50.0 |
| Pembinaan | 49.9 |
| Perdagangan Borong & Runcit | 49.8 |

9. Dari segi indeks mengikut saiz perniagaan, perusahaan bersaiz medium dan besar berpandangan optimistik pada bulan November 2022 dengan keadaan perniagaan keseluruhan yang bertambah baik disebabkan oleh peningkatan jumlah projek dan pemulihan tahap jualan secara am. Sebaliknya, perniagaan bersaiz mikro dan kecil berpandangan pesimistik disebabkan oleh penurunan jumlah projek dan tahap penjualan, di mana orang ramai berkemungkinan akan menangguhkan perbelanjaan bagi tujuan simpanan untuk percutian keluar negeri pada bulan Disember 2022 nanti.

| Keadaan Perniagaan November 2022 mengikut Saiz | |
|--|------|
| Mikro | 49.9 |
| Kecil | 49.9 |
| Sederhana | 50.2 |
| Besar | 50.1 |

10. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak bulan Ogos 2020 adalah seperti di LAMPIRAN 1. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di www.bdcg.gov.bn. Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.


Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: Jamadilakhir 1444H / Disember 2022M

Ruj: BDCB/COMMS/3

LAMPIRAN 1


Keadaan Perniagaan



Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Pelaburan




Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Kadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.

Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.



Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan lebih kurang sama /tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya.



Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos. Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.

BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga November 2022



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot /sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.